

Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa yang sesuai.

buah hati	hati emas	ambil berat	bulat kata
langkah kanan	peluk tubuh	titik peluh	mandi peluh
manis mulut	besar hati	ringan tulang	air muka

- Ahmad seorang yang _____ kerana dia sentiasa membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan.
- Kejayaan yang diperoleh merupakan hasil _____ nya sendiri.
- Puan Linda dikenali sebagai seorang _____ kerana sentiasa memberikan pujian kepada orang lain.
- Walaupun penat, Ali tetap _____ semasa bekerja demi menyara keluarga.
- Pelajar tahun lima yang paling pandai itu ialah _____ Rayyan.
- _____ Maisara berubah setelah dimarahi ibu.
- Ibu _____ kerana Aleeya memperoleh keputusan yang cemerlang.
- Kerajaan tidak boleh _____ dalam menangani isu pendatang asing di Malaysia.
- Projek ini telah mendapat _____ daripada ahli mesyuarat untuk dibatalkan.
- Suzana _____ kerana dapat menikmati durian apabila sampai di rumah abangnya.
- Syazwan seorang yang _____ kerana dia sentiasa membantu ayahnya berkebun.
- Puan Maimunah _____ terhadap abangnya yang sakit jantung sehingga dia sanggup berkorban tenaga untuk menjaga abangnya.